



Untuk Terbitan Media

1 Jun 2026

SIARAN MEDIA

PERLUASAN PERLINDUNGAN 24 JAM UNTUK LEBIH 9 JUTA PEKERJA, BERKUATKUASA MULAI HARI INI

KUALA LUMPUR: Lebih sembilan juta pencarum menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) secara automatik dilindungi sepenuhnya daripada kesan kemalangan bukan bencana kerja, berkuat kuasa hari ini.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, memaklumkan skim LINDUNG 24 Jam ini memperuntukkan jaringan perlindungan keselamatan sosial yang lebih meluas di Malaysia, termasuk ketika cuti umum dan hari kelepasan am.

“Pelaksanaan skim bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ini adalah secara automatik kepada semua pekerja formal sedia ada, tanpa memerlukan sebarang pendaftaran baharu oleh majikan atau pekerja.

“Bagi individu yang baru diambil bekerja dan melapor diri selepas 1 Jun 2026, majikan wajib mendaftarkan pekerja tersebut mengikut prosedur sedia ada melalui sistem PERKESO,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Dalam pada itu, Ramanan menjelaskan caruman LINDUNG 24 Jam ditanggung sepenuhnya oleh pekerja dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa yang ditetapkan, tertakluk kepada had siling gaji bagi maksud caruman iaitu RM6,000.

Untuk permulaan, katanya, kadar caruman bagi LINDUNG 24 Jam adalah 0.75 peratus daripada gaji bulanan, justeru majikan bertanggungjawab untuk menguruskan potongan gaji pekerja dan melaksanakan pembayaran caruman skim ini kepada PERKESO pada setiap bulan.

“Pembayaran caruman perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kesinambungan perlindungan tanpa gangguan, di samping memudahkan pematuhan oleh majikan dan pekerja.

“Menerusi skim LINDUNG 24 Jam, PERKESO memperuntukkan lapan faedah demi kelangsungan dan kebajikan pencarum, antaranya Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, serta Faedah Orang Tanggungan.

“Selain itu, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani, Vokasional atau *Return To Work* (RTW), serta Faedah Pendidikan bagi menyokong masa depan waris,” katanya.

Ramanan menyifatkan bahawa perluasan perlindungan ini adalah selari saranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) serta amalan terbaik antarabangsa dalam memperkukuh jaringan keselamatan sosial pekerja.

Malah, jelasnya, usaha terbaharu dirintis PERKESO menjadikan jaringan keselamatan sosial di Malaysia kini lebih menyeluruh, dinamik dan relevan dengan realiti semasa pasaran buruh, selain menyokong aspirasi Malaysia MADANI dalam menjamin kebajikan serta kesejahteraan tenaga kerja negara.

“Sebarang permohonan faedah boleh dilakukan secara dalam talian melalui portal LINDUNG Faedah di pautan <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my/> atau hadir terus ke pejabat PERKESO berhampiran,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

1 Jun 2026